



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



ANUGERAH KHAS MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA
REKABENTUK KURIKULUM & PENYAMPAIAN INOVATIF

Kategori Anugerah :

Kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif

Kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif Teradun (Blended)

**INNO-HMR: Inovasi Pembelajaran Imersif melalui
"Home Medication Review"**



Dr. Nurulumi binti Ahmad
Aslinda binti Jamil
Habibah binti Kamruzaman
Dr. Umar Idris Ibrahim
Ahmad Kamal Arifin bin Abdul Jamil
Prof. Dr. Lua Pei Lin

*Fakulti Farmasi
Universiti Sultan Zainal Abidin*

Edisi Pertama 2024

Copyright © 2024 Nurlumi Ahmad, Aslinda Jamil, habibah Kamaruzaman, Ahmad Kamal Arifin Abdul Jamil, Umar Idris Ibrahim & Lua Pei Lin


Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Nama, Nama Fakulti. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dr. Nurulumi binti Ahmad
Aslinda binti Jamil
Habibah binti Kamruzaman
Dr. Umar Idris Ibrahim
Ahmad Kamal Arifin bin Abdul Jamil
Prof. Dr. Lua Pei Lin

*Fakulti Farmasi
Universiti Sultan Zainal Abidin*

**Pencalonan untuk Anugerah Khas
YB Menteri Pendidikan 2019**

**Reka Bentuk Kurikulum &
Penyampaian Inovatif
(*Pembelajaran Imersif Teradun (Blended)*)**



“ Two other critical elements are needed to make successful blended learning...work: emphasizing relationship-building and making the content student-drive”

Larry Ferlazzo

Isi Kandungan



Isi kandungan

Prakata

Ringkasan Pencapaian Projek

Bab 1:

Sinopsis Projek

Bab 2:

Rasional Projek

Bab 3:

Pendekatan Projek

Bab 4:

Bukti Keterlibatan Pelajar

Bab 5:

Impak Ke Atas Pembelajaran Pelajar

Bab 6:

Bukti Impak Projek Ke Atas Pembelajaran Pelajar

Bab 7:

Pengiktirafan

Lampiran

Prakata

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T, portfolio AKRI 2024 ini dapat disediakan untuk tujuan berkongsi amalan inovatif pedagogi yang telah kami laksanakan di Fakulti Farmasi, Universiti Sultan Zainal Abidin. Projek bertajuk " INNO-HMR: Inovasi Pembelajaran Imersif melalui "Home Medication Review" merupakan inisiatif daripada Jabatan Amalan and Klinik Farmasi yang terdiri daripada Dr. Nurulumi binti Ahmad, Puan Aslinda binti Jamil, Cik Habibah binti Kamaruzaman, En. Ahmad Kamal Arifin bin Abdul Jamil, Dr. Umar Idris Ibrahim dan Prof. Dr. Lua Pei Lin.

Penggunaan akronim "INNO-HMR" adalah bagi mewakili perkataan "Innovation", "Innovative Pedagogies" dan "Home Medication Review" yang merupakan faktor utama dalam menyediakan pengalaman pembelajaran imersif kepada pelajar.

Projek ini melibatkan kursus PHM 41006: Community Pharmacy Clerkship. Bagi menjayakan projek ini, kerjasama daripada pelajar amat diperlukan dan dihargai dan kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka. Sokongan di peringkat fakulti juga ingin diucapkan ribuan terima kasih dan ianya amat membantu kami dalam meneruskan inisiatif murni ini. Diharapkan perkongsian maklumat dalam portfolio ini dapat mencetuskan

idea yang baharu kepada warga akademik yang sentiasa ingin memperbaiki dan menghasilkan inovasi P&P masing-masing. Segala ilmu yang dikongsi ini datangnya daripada ALLAH S.W.T dan kami sebagai hambanya hanya menjalankan amanah dan tanggungjawab menerusi ilmu yang dipinjamkan sementara oleh NYA kepada saya.

Allahua'lam. Terima kasih

Dr. Nurulumi binti Ahmad
Ketua Projek
INNO-HMR
Fakulti Farmasi
Universiti Sultan Zainal Abidin
Julai 2024

Ringkasan Pencapaian

Projek bertajuk " INNO-HMR: Inovasi Pembelajaran Imersif melalui "Home Medication Review ini telah dilaksanakan dari tahun 2018. Projek ini telah dijalankan pada 2018, 2019, 2021, 2022, 2023 dan 2024. Inovasi bahan P&P daripada projek ini telah mendapat anugerah dan pingat di pertandingan Sulam Innovate Showcase & Symposium 2023 iaitu Best Presenter dan Silver Award yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan pada 21 November 2023.

Secara keseluruhan projek ini memberikan impak ke atas peningkatan pembelajaran pelajar dari aspek peningkatan penguasaan pengetahuan, tumpuan dan retensi kognitif, motivasi dan pemikiran reflektif. Impak yang diberikan adalah bersifat holistik yang merangkumi ketiga-tiga domain pengetahuan iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, projek ini melahirkan graduan yang holistik dan tersedia untuk menyertai alam pekerjaan. Projek ini turut dikongsi dalam kalangan staf akademik universiti lain menerusi jemputan penceramah yang diterima oleh ahli kumpulan projek ini. Perkongsian ilmu ini merupakan satu pengiktirafan yang diterima oleh ahli kumpulan projek.

Sinopsis Projek

Bab 1



INNO-HMR: Inovasi Pembelajaran Imersif melalui "Home Medication Review"

Sinopsis Projek

Pendidikan di abad pembelajaran ke 21 perlu bersifat imersif, kolaboratif, interaktif dan inklusif. Pendekatan pengajaran imersif adalah sesuai untuk diterapkan dalam suasana pembelajaran dan pengajaran kerana ianya berpotensi untuk menarik tumpuan pembelajaran pelajar secara holistik –kognitif, emosi dan secara fizikal, terutama apabila pelajar menganalisis masalah pembelajaran yang kompleks, membuat penilaian dan keputusan. Walaupun, pembelajaran imersif menekankan tumpuan pelajar secara maksimum, kebanyakan arahan adalah kurang relevan kerana ianya gagal untuk melibatkan/menarik tumpuan/mentafsir/mensimulasikan pelajar dengan tugas/cabaran dunia sebenar yang dilalui oleh para profesional dalam bidang pengajian pelajar. Ini akan mempengaruhi pelajar dalam menguasai kemahiran dan nilai profesional di peringkat yang lebih tinggi.

Oleh yang demikian, penggunaan pedagogi inovatif seperti pembelajaran berasaskan masalah, penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan senario, pembelajaran berasaskan kes, pembelajaran reflektif, pembelajaran kolaboratif social menerusi alatan teknologi seperti (KelIP) dapat menyediakan suasana pembelajaran imersif teradun yang bermakna. Ini kerana kedua-duanya pedagogi dan teknologi akan menyokong antara satu sama lain selari dengan keperluan golongan milineal.


Secara umumnya, projek ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada institusi pengajian tinggi dalam memahami bagaimana untuk mengimplementasikan pedagogi inovatif abad ke 21 dalam pembelajaran menerusi suasana pembelajaran teradun di pengajian tinggi bagi kursus berkaitan farmasi. Penggunaan akronim "INNO-HMR" adalah bagi mewakili perkataan "Innovation", "Innovative Pedagogies" dan "Home Medication Review" yang merupakan faktor utama dalam menyediakan pengalaman pembelajaran imersif kepada pelajar .

Sinopsis Projek

Pembelajaran imersif teradun menerusi Inovatif pedagogi bukan hanya menyokong penyampaian arahan mengikut kurikulum tetapi ianya juga akan memudahkan dan membantu pentaksiran pembelajaran pelajar berasaskan pencapaian, kemahiran reflektif, pemikiran kritikal, tingkahlaku penyelesaian masalah dan motivasi. Secara umumnya, pembelajaran imersif teradun melihat pelajar sebagai peserta yang aktif dalam pembelajaran mereka sendiri, di mana mereka mempunyai peluang untuk menentukan proses pembelajaran masing-masing, melibatkan pengetahuan sedia ada dan terlibat aktif dalam penyiasatan.

INNO-HMR berkait rapat dengan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Pertama, ia menyumbang kepada kesihatan yang baik dan kesejahteraan (SDG 3) di mana pelajar menyantuni komuniti berdekatan untuk mempromosikan tentang penggunaan ubat yang betul dan cara hidup sihat. Seterusnya, Pendidikan Berkualiti (SDG 4) dengan menghubungkan teori dan amalan, melengkapi pelajar dengan kemahiran praktikal. Terakhir, penubuhan perkongsian Quadruple Helix menggariskan kerjasama untuk Matlamat (SDG 17) memperlihatkan usaha kolaboratif di antara akademik, kerajaan, industri, dan masyarakat, yang penting untuk mencapai pembangunan lestari. INNO-HMR sejajar dengan matlamat UniSZA sebagai sebuah universiti awam untuk pelbagai lapisan masyarakat. Tujuan utama program INNO-HMR adalah untuk memberikan maklumat ubat dan meningkatkan kefahaman serta kesedaran pesakit tentang penggunaan ubat secara selamat dan rasional.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, impak pedagogi inovatif ke atas pencapaian pelajar dalam pembelajaran, pemikiran reflektif, pemikiran kritikal, tingkahlaku penyelesaian masalah dan motivasi menerusi suasana pembelajaran imersif teradun telah dianalisa dengan rubrik. Projek ini berperanan sebagai satu inisiatif strategik universiti untuk memenuhi dan mengkonsepsualisasikan semula sistem pengajian tinggi agar selari dengan Revolusi Industri ke 4.



“

Digital learning means not
being confined to brick &
mortar classrooms, using
blended learning platforms to
differentiate experiences

”

Mark Quinn

Rasional Projek •

Bab 2



Rasional Projek

INNO-HMR diperkenalkan untuk menangani pelbagai masalah pelajar seperti keterbatasan komunikasi dengan orang awam, prestasi akademik yang rendah, kekurangan kemahiran hidup, dan sistem pendidikan yang tidak berpusatkan pelajar. Pelajar sering tidak diberikan pendedahan mencukupi tentang cara berkomunikasi di luar kampus, menghalang mereka daripada membina kemahiran komunikasi berkesan. Faktor seperti kurangnya motivasi, kaedah pengajaran yang kurang efektif, dan kekurangan sumber pembelajaran menjejaskan prestasi akademik mereka. Selain itu, pelajar kurang pendedahan untuk mengasah kemahiran hidup penting seperti berfikir kritis, pengurusan masa, dan komunikasi. Sistem pendidikan tradisional yang tidak memberi tumpuan kepada keperluan individu pelajar menghalang mereka daripada mencapai potensi penuh. INNO-HMR bertujuan memperkenalkan program yang mengasah kemahiran-kemahiran ini, meningkatkan motivasi dan prestasi akademik, serta mengiktiraf keunikan dan potensi setiap pelajar melalui pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar, memastikan mereka mendapat perhatian dan sokongan yang diperlukan untuk berjaya.

Dengan INNO-HMR, mereka akan terlibat dalam situasi sebenar di mana mereka akan bergerak secara berpasukan untuk melayani komuniti setempat dan memberikan pendidikan kesihatan yang bertujuan utama keselamatan pengubatan. Keperluan untuk penjagaan kesihatan yang lebih baik ini termasuk mengoptimumkan pengurusan ubat-ubatan bagi pesakit, terutamanya mereka yang mengalami pelbagai penyakit kronik atau kompleks. Seterusnya untuk meningkatkan keselamatan pesakit dengan menyusun semula ubat-ubatan di rumah memastikan bahawa pesakit mengambil ubat-ubatan mereka dengan betul dan mengelakkan kesilapan pengurusan ubat. Kepatuhan terhadap ubat meningkat di mana pelajar dan pensyarah menilai semula ubat-ubatan di rumah, inisiatif ini boleh meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap regime ubat mereka. Inisiatif seperti INNO-HMR berusaha untuk meningkatkan hasil kesihatan pesakit dan menyokong penjagaan kesihatan yang lebih holistik dan berkesan.

Rasional Projek

Menerusi projek ini, beberapa ilmu baharu seperti kerangka pembelajaran pelajar menerusi gabungan teori dan praktikal, proses pembelajaran pelajar yang dapat mengekalkan penumpuan dan retensi kognitif dapat dihasilkan.



Pendekatan Projek •

Bab 3



Pendekatan Projek

Dalam projek ini, kami mengadaptasi pedagogi inovatif iaitu:

- pembelajaran reflektif,
- pembelajaran kolaboratif sosial,
- pembelajaran berasaskan masalah,
- penyelesaian masalah,
- pembelajaran berasaskan senario,
- pembelajaran berasaskan kes

Kami memasukkan INNO-HMR ke dalam subjek Community Pharmacy Clerkship (PHM41006). Para pelajar yang mengambil kursus ini adalah pelajar tahun akhir, Mereka telah menjalani 3 tahun sebelumnya dan telah diperkenalkan dengan teori dan praktikal yang diperlukan untuk menyediakan mereka untuk kursus Community Pharmacy Clerkship ini (Jadual 1). Selain daripada mereka bentuk aktiviti pembelajaran, projek ini juga menghasilkan kitaran proses pembelajaran imersif teradun yang inovatif bagi memastikan pelaksanaan proses P&P yang sistematik. Rajah 1 memaparkan kitaran pembelajaran imersif teradun tersebut.



Rajah 1 : Kitaran Pembelajaran Imersif Teradun


Pendekatan Projek

Bil	Pedagogi Inovatif	Kursus	Pensyarah bertanggungjawab
1	Pembelajaran reflektif	PHM41006: Community Pharmacy Clerkship	Puan Aslinda Jamil
2	Pembelajaran kolaboratif sosial	PHM41006: Community Pharmacy Clerkship PHM31503: Hospital Pharmacy Practice	Puan Aslinda Jamil Dr. Nurulumi Ahmad
3	Pembelajaran berasaskan masalah	PHM41006: Community Pharmacy Clerkship PHM40402: Medication Review and Counselling	Puan Aslinda Jamil Cik Habibah Kamruzaman
4	Penyelesaian masalah	PHM20502: Personal Care Products PHM40402: Medication Review and Counselling	Pro. Dr. Lua Pei Lin Cik Habibah Kamruzaman
5	Pembelajaran berasaskan scenario	PHM10502: Fundamentals of Pharmacy Practice PHM40402: Medication Review and Counselling	Dr. Umar Idris Ibrahim Cik Habibah Kamruzaman
6	Pembelajaran berasaskan kes	PHM41006: Community Pharmacy Clerkship PHM40402: Medication Review and Counselling	Puan Aslinda Jamil Cik Habibah Kamaruzaman

Jadual 1 : Subjek yang menyediakan para pelajar untuk INNO-HMR

Pendekatan Projek

Projek ini mengadaptasi pedagogi inovatif iaitu pembelajaran kolaboratif sosial dalam membangunkan aktiviti pembelajaran imersif teradun untuk pelajar mempelajari kursus ini melalui pembelajaran perkhidmata (Service Learning). Aktiviti pembelajaran tersebut disampaikan menerusi alatan teknologi seperti Knowledge of e-Learning Integrated Platform (KeLIPs). Dari aspek reka bentuk aktiviti pembelajaran imersif teradun, projek ini dianggap asli kerana ianya mengintegrasikan dua elemen iaitu prinsip pedagogi inovatif dan kemampuan kognitif dan psikomotor pelajar. Pelaksanaan proses pembelajaran imersif teradun dilaksanakan secara sistematik menerusi rekabentuk aktiviti pembelajaran imersif. (Rujuk Rajah 2).




Rajah 2

Analitik berasaskan data telah digunakan bagi mengenalpasti peningkatan pencapaian, kemahiran reflektif, tingkahlaku penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, social presence dan motivasi pelajar setelah melalui pembelajaran imersif teradun.

Pendekatan Projek

Ini adalah kerana, dalam pembelajaran di abad ke 21, pengetahuan dan aspek sosial tidak boleh dipisahkan dan ianya menggalakkan kolaborasi antara keduanya. Kami juga menilai sumbangan pelajar dalam menyelesaikan masalah sebenar menerusi forum untuk mengenalpasti kemahiran kognitif aras tinggi, pemikiran kritikal, motivasi dan proses pembelajaran pelajar. Pembelajaran perkhidmatan (Service Learning) sebagai strategi pengajaran transformatif berpotensi untuk merapatkan jurang pengetahuan antara bilik darjah dan aplikasi dunia nyata. Ia menggalakkan penglibatan pelajar dan kesedaran yang lebih mendalam terhadap isu-isu masyarakat. (Kaumba, 2023). Pemikiran kritis pelajar, kemahiran menyelesaikan masalah, dan penglibatan pelajar diperbaiki melalui paradigma pengajaran transformatif ini, yang menggabungkan perkhidmatan komuniti dengan pendidikan akademik (De Beer, 2023). Melalui INNO-HMR kemahiran 4C (Critical thinking, Creativity, Collaboration and Communication) para pelajar dapat diasah. Pemikiran kritis (Critical thinking), kreativiti (Creativity), kerjasama (Collaboration), dan komunikasi (Communication) (Rujuk Rajah 3) diakui sebagai penting untuk kejayaan masa depan pelajar dalam konteks pendidikan yang sentiasa berubah. Penekanan khusus diberikan pada pemikiran kritis kerana kepentingannya dalam membuat keputusan bijak (Thornhill-Miller et al., 2023).




Rajah 3: 4C's; Adaptasi dari Colette Caterina Mazzola-Randles (2020)

Pendekatan Projek

Menurut Astuti et al. (2019), kreativiti dilihat sebagai kemahiran yang boleh dibangunkan melalui pendidikan untuk menggalakkan pemikiran inovatif.

Landskap pengajaran dan inovasi kini berubah dengan pantas seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, keperluan masyarakat yang berubah, dan penekanan yang semakin meningkat pada kerjasama multidisiplin. Satu cabaran penting yang muncul pada abad ke-21 adalah keperluan untuk membangunkan kerjasama yang berkekalan dan saling menguntungkan antara akademik, industri, kerajaan, dan komuniti (Hasche et al., 2020). Model Heliks Berganda Empat (Quadruple Helix) (Rajah 4), yang merupakan pengembangan daripada model Heliks Tiga (Triple Helix) telah mendapat populariti sebagai kerangka kerja yang menyeluruh untuk kerjasama dalam ekonomi berasaskan pengetahuan kontemporari.



Rajah 4: Model Heliks Berganda Empat (Adaptasi dari <https://grip.edu>)

Idea ini terinspirasi oleh kesedaran bahawa graduan abad ke-21 menghadapi cabaran yang besar (Watson, 2008).

Pendekatan Projek

Pendekatan pendidikan tradisional mesti berubah untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran yang melampaui pengetahuan buku teks apabila industri menjadi lebih kompleks dan berhubung antara satu sama lain. Empat kemahiran abad ke-21 (4Cs) telah menjadi kompetensi penting untuk berjaya dalam persekitaran yang berubah ini (Thornhill-Miller et al., 2023).

Boleh Pindah:

Reka bentuk suasana pembelajaran imersif teradun dalam projek ini boleh digunakan untuk suasana pembelajaran lain yang memerlukan pelajar menguasai kemahiran aras tinggi (penaakulan, sintesis, membuat keputusan dll.), meningkatkan pemikiran kritikal dan motivasi bagi menyediakan pelajar untuk melaksanakan tugas yang kritikal. Setiap kaedah pembelajaran mempunyai aspek boleh pindah yang bermanfaat. Pembelajaran reflektif mengasah kemahiran berfikir kritis dan penilaian sendiri yang berguna dalam pelbagai konteks profesional dan peribadi. Pembelajaran kolaboratif sosial membangunkan kemahiran kerjasama dan komunikasi yang penting di tempat kerja. Pembelajaran berasaskan masalah mengukuhkan kemahiran penyelesaian masalah dan analitis yang boleh diaplikasikan untuk mengatasi cabaran sebenar dalam pelbagai industri. Penyelesaian masalah melibatkan pemikiran kritis, kreativiti, dan penaakulan logik yang sangat diperlukan dalam banyak bidang. Pembelajaran berasaskan senario meningkatkan kemahiran membuat keputusan dan pemikiran strategik melalui situasi yang realistik, sementara pembelajaran berasaskan kes memperkasa kemahiran analitis dan penyelidikan untuk memahami isu-isu kompleks dan membangunkan penyelesaian berdasarkan bukti. Kesemua kemahiran ini boleh diaplikasikan di luar konteks pembelajaran asal, menjadikannya sangat berharga untuk pembangunan peribadi dan profesional.

Pendekatan Projek

Boleh Skala:

- Pembelajaran imersif boleh skala kepada alatan teknologi yang lain berdasarkan dapatan projek ini yang menggunakan alatan teknologi seperti Knowledge of e-Learning Integrate Platform (KeLIP) dalam pembelajaran.
- Aktiviti perbincangan menerusi forum atas talian boleh skala kepada kumpulan pelajar yang lebih besar menerusi pembahagian kumpulan kecil dan pelajar diberikan garis panduan dan dibantu oleh fasilitator.
- Pendekatan kuiz,refleksi sendiri juga boleh skala untuk pelajar yang pelbagai latar belakang yang akan membolehkan setiap pelajar menerima peluang pembelajaran menerusi suasana pembelajaran yang memberikan manfaat kepada semua pelajar disamping dapat mengekalkan semangat dan perasaan mereka terhadap pembelajaran.
- Aktiviti pembelajaran juga direka bentuk berasaskan konsep objek pembelajaran digital; chunks/kecil; agar boleh digunakan oleh pengajar dengan hanya membuat pautan, import atau menggabungkan ke dalam bahan P&P sedia ada.

Bukti Keterlibatan Pelajar

Bab 4



Bukti Keterlibatan Pelajar

Kesemua aktiviti pembelajaran adalah berasaskan kepada pedagogi inovatif abad ke 21 yang melibatkan kes/senario masalah dunia sebenar dan masalah pembelajaran yang autentik. Sebahagian daripada aktiviti pembelajaran juga memberikan peranan tenaga pengajar kepada pelajar di mana pengajaran rakan sebaya berlaku dalam kelas dan juga menerusi medium atas talian. Menerusi aktiviti pembelajaran tersebut, pelajar akan mengalami proses pembelajaran bermakna dan imersif dalam menyelesaikan masalah pembelajaran yang diberi. Disamping itu, masalah pembelajaran juga perlu diselesaikan dalam kumpulan dan setiap ahli kumpulan diberikan tugas yang spesifik. Menerusi projek berasaskan kumpulan, kebertanggungjawaban terhadap pembelajaran dapat digalakkan di mana rakan akan memberi motivasi kepada ahli kumpulan agar kekal memberikan tumpuan kepada pembelajaran.

Pendekatan pembelajaran imersif teradun menyediakan pelajar dengan suasana pembelajaran bermakna yang menjanjikan tumpuan dan peningkatan kognitif pelajar. Tugas/aktiviti autentik yang disampaikan menerusi alatan teknologi, pengajaran rakan, perbincangan dan refleksi sendiri dapat memberikan pembelajaran yang imersif kepada kognitif pelajar. Menerusi kitaran pembelajaran imersif teradun, informasi bukan hanya dipindahkan kepada pelajar, tetapi ianya melibatkan pengembangan kognitif menerusi proses asimilasi, akomodasi dan malah equilibrasi (equilibration). (Rujuk Rajah 2)

Dari aspek psikomotor, aktiviti pembelajaran autentik memerlukan pelajar terlibat dalam keadaan sebenar di mana pengetahuan diaplikasikan di dunia sebenar. Sebahagian aktiviti pembelajaran seperti aktiviti pembelajaran berasaskan heutagogy memerlukan pelajar untuk menjalankan kerja lapangan dan menemubual pakar bagi mendapatkan pandangan kedua mengenai penyelesaian masalah pembelajaran manakala aktiviti pembelajaran yang lain memerlukan pelajar mengajar rakan sama ada dalam kelas atau menerusi medium atas talian. Aktiviti ini dapat membantu pengembangan domain psikomotor pelajar. (Rujuk Rajah 2)

Refleksi Kendiri Pelajar

Recently, I participated in a home medication review (HMR) involving pharmacists from Hospital Besut and Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Besut for elderly patients living in Kampung Kayu Kelat, Jerteh, launched under “Kenali Ubat Anda” (Know your medications) programmed under Ministry of Health. This programme is crucial for ensuring the patients' medications are effectively managed in terms of storage, assessing the medication compliance of the patients using DFIT score, identifying issues related to the patient's medication regimen (pharmaceutical care issues) and empowering patients and family members' knowledge of the disease they are dealing with. As a pharmacy student, this experience provided valuable insights into rural healthcare settings' unique challenges and opportunities. The HMR was conducted by groups. I was in Group 1, accompanied by 3 other pharmacy coursemates, evaluated by Dr Umar Idris Ibrahim, the lecturer of UniSZA, and supervised by Mr Abdul Salam bin Mohamad, a registered pharmacist at PKD Besut. We had visited 4 houses (6 patients), escorted by a local accompanist.

This experience taught me several important lessons. Firstly, effective communication helps patients utilise their medications better, especially in rural settings where patients have less accessibility to well-equipped healthcare facilities. With effective communication, patients can understand better and be able to minimise medication errors. I also learned to be empathetic about their lifestyles and more aware of the choices of words in communication, as the patients did not understand medical terms and understand better in Bahasa Melayu. Other than that, healthcare providers should be aware of the specific challenges faced by rural patients, such as transportation issues and limited access to healthcare facilities. After identifying the problems faced by the villagers, strategies can be developed to support the healthcare system for rural patients more effectively. In summary, the home medication review (HMR) in a rural area was an eye-opening experience that brought awareness to the importance of patient-tailored healthcare. I was thankful to be given the chance by authorities from Hospital Besut, to participate in the “Kenali Ubat Anda” programme under the effort of the Ministry of Health Malaysia. By reflecting on this experience, I have gained a deeper understanding of rural healthcare and the critical role of pharmacists in personalized patient care through HMR to achieve positive health outcomes

Kok Wan Xin

<https://tinyurl.com/3md77tfa>

Refleksi Kendiri Pelajar

Suka untuk saya berkongsi disini **cabaran dan juga bagaimana saya harungi perkara tersebut.**

Perkara pertama yang melintas di fikiran adalah bagaimana kami pelajar tahun 4 ketika itu sedang bersiap-siaga untuk menjalani latihan industri di Pharmaniaga, Selangor selama 2 minggu.

Disertakan

juga dengan ujian bagi memenuhi jadual pembelajaran kami dan ujian OSCE pada minggu berikutnya.

Tidak lupa juga, cuti raya serta cuti pertengahan semester yang menyingkatkan lagi masa untuk kami melakukan penyediaan bagi PACU. Namun begitu, dalam kekangan masa sebegini, urusan dibelakang tadbir tidak pernah berhenti. **Saya belajar untuk menggunakan masa secara optimum dengan menyenaraikan tugasan harian sebagai segera atau tidak segera untuk memastikan tiada urusan yang terlepas.** Di samping itu, mempunyai perancangan awal turut membantu saya supaya tidak gelabah bila

ianya tidak terjadi seperti yang diharapkan.

kami telah menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Salah satu rintangan adalah masa yang singkat untuk merangka dan merancang program, tidak termasuk lagi faktor-faktor seperti kekurangan kelengkapan walaupun kami telah mendapat

kebenaran untuk menggunakannya serta kekurangan kewangan. Oleh itu, **kami selalu mengambil kira semua yang berlaku dan menyesuaikan diri jikalau terdapat situasi yang tidak dapat dielakkan pada hari**

kejadian. Selain itu, program HMR juga banyak menambah ilmu pengetahuan saya tentang ubat-ubatan serta membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan masyarakat setempat.

<https://tinyurl.com/3md77tfa> - reflective writing

Walaupun bagaimanapun, saya telah mempelajari banyak perkara daripada program ini atas penglibatan saya dari awal persediaan program sehingga tamat program pada 11 Mei 2023. Melalui program ini, **saya dapat belajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis untuk menilai risiko yang mungkin berlaku dan mengajar kami untuk bersedia mengalami sebarang perubahan dari masa ke semasa.** Selain

itu, saya berkesempatan juga untuk bekerjasama dengan 2 orang pelajar tahun 3 Fakulti Farmasi UniSZA iaitu Siti Noorsyaziliah binti Hamzah dan Dalili Adawiyah binti Yusof dalam menjalankan tugas dibawah

AJK yang sama dimana kami sama-sama bergabung idea untuk menggarap teks ucapan dan memilih 'design' bagi buku program tersebut. **Ianya secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan kami**

sebagai pelajar Fakulti Farmasi UniSZA walaupun daripada batch yang berbeza. Tugasan dan pengalaman kali ini membantu meningkatkan daya pemikiran saya dalam menganalisa serta melakukan kerja dengan cepat, tepat dan tersusun.



“

Technology will not replace
great teachers but technology
in the hands of great teachers
can be transformational

”

George Couros

Impak keatas Pembelajaran Pelajar

Bab 5



Impak keatas Pembelajaran Pelajar

Pembelajaran Berasaskan Projek (Project-Based Learning) membantu pelajar merancang, melaksanakan, dan menilai projek INNO-HMR dalam pengurusan sumber manusia. Peningkatan pengalaman pembelajaran dapat dicapai melalui aktiviti di mana pelajar diberi projek sebenar yang relevan dengan bidang mereka, seperti membangunkan strategi inovasi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Pelajar bekerja dalam kumpulan, merancang strategi, dan melaksanakan projek dari awal hingga akhir. Penilaian berterusan melalui laporan kemajuan, pembentangan projek, dan refleksi diri, serta maklum balas daripada pensyarah membantu pelajar memperbaiki projek mereka. Dalam Pembelajaran Kolaboratif, pelajar mampu bekerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan masalah pengurusan sumber manusia secara inovatif. Aktiviti ini melibatkan tugas kumpulan di mana pelajar bekerjasama untuk menyelesaikan masalah seperti mengembangkan polisi pengurusan bakat yang inovatif. Penglibatan aktif berlaku apabila pelajar bertukar-tukar pandangan dan berdiskusi untuk mencapai penyelesaian yang terbaik, membahagikan tugas dan tanggungjawab, dengan penilaian rakan sebaya dan laporan kumpulan memberikan gambaran tentang sumbangan individu dan kumpulan secara keseluruhan. Pembelajaran Perkhidmatan (Service Learning) pula membolehkan pelajar mengaplikasikan teori dan konsep inovasi dalam pengurusan sumber manusia dalam konteks perkhidmatan kepada komuniti. Penglibatan aktif pelajar berlaku apabila mereka bekerja secara langsung dengan komuniti, mengaplikasikan pengetahuan akademik mereka dalam situasi sebenar, sementara penilaian berterusan melalui laporan perkhidmatan, refleksi individu, dan maklum balas daripada komuniti yang diservis digunakan untuk menilai impak dan pembelajaran pelajar.

Impak keatas Pembelajaran Pelajar




Find text or tools 🔍 | 📄 🔄 🗑️

LAPORAN CQI

Sem/Sesi	Sem 2 Sesi 2022/2023
Kod Kursus	PHM41006
Nama Kursus	COMMUNITY PHARMACY CLERKSHIP

A) Pencapaian Pelajar Mengikut Gred

GRED	BIL.
A	0
A-	0
B+	0
B	0
B-	14
C+	13
C	0
C-	0
D+	0
D	0
F	15



B) Pencapaian Pelajar Mengikut CLO

	MQF3a.v2	MQF5.v2	MQF4b.v2
	CLO1	CLO2	CLO3
Bilangan Pelajar (50% ke atas)	27	27	0
Keseluruhan Pelajar	42	42	42
Peratus Bilangan Pelajar Mencapai Markah 50% ke atas	4.2857142	4.2857142	0

Sekiranya ada CLO yang peratus bilangan pelajar yang mendapat markah 50% adalah kurang daripada 50%, sila cadangkan langkah penambahbaikan dalam ruangan ULASAN.

C) Penerangan CLO

CLO1	Adapt current knowledge, technical expertise and professional pharmacy conduct in dealing with the community's health issues. (P6, MQF3a, PLO3)
CLO2	Integrate appropriate values, attitudes and professionalism in the process of community pharmacy practice delivery. (A4, MQF5, PLO11)
CLO3	Practice innovative managerial and entrepreneurial principles in interacting with consumers, healthcare professionals and other stakeholders in pharmacy business settings. (A5, MQF4b, PLO10)

Impak keatas Pembelajaran Pelajar

STUDENTS & UNIVERSITY

- Developed students' skills and talents in managing the program such as communication, collaboration, and time management.
- Improved relationship among students.
- Gained experiences in interacting with patients outside classroom.
- Applied knowledge and skills to benefit others.

TESTIMONI PENGARAH PROJEK



Bukti Impak keatas Pembelajaran Pelajar

Bab 6



Bukti Impak keatas Pembelajaran Pelajar

34

UniSZA Bersama Komuniti Setempat

Kesilapan dalam pengambilan ubat-ubatan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat bukan sahaja boleh menyebabkan terjejasnya keberkesanan ubat yang diambil, malah turut mengakibatkan kesan sampingan kepada pesakit.

Oleh yang demikian, langkah pencegahan seperti kesedaran tentang penggunaan ubat secara selamat dalam kalangan pesakit perlu dilakukan. Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah institusi pengajian tinggi, hospital, klinik kesihatan dan agensi swasta yang berkaitan.

Menyadari hakikat ini, Fakulti Farmasi mengambil inisiatif mengadakan Program Khidmat Masyarakat 'Home Medication Review' (HMR) bagi mendekati para pesakit melalui lawatan dari rumah ke rumah. Ini bertujuan memberi kesedaran tentang pentingnya pengetahuan dan pemahaman berkaitan penggunaan ubat-ubatan secara betul dan selamat.

'Home Medication Review' Jelajah Kota Putera, Besut



Program yang diadakan pada 18 Ogos ini disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta iaitu Klinik Kesihatan Jabi, Klinik Kesihatan Padang Luas, Klinik Kesihatan Kampung Raja, Farmasi Ibnu Sina, Farmasi Pharmaco Plus, Farmasi Ammar Medicare, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Raja Utara, Kg. Raja Selatan dan Kg. Raja Terbuk.

Program ini dimulai dengan taklimat oleh

Pengarah Program, dan disusuli dengan Majlis Perasmian dan pelepasan pasukan HMR yang disempurnakan oleh Dekan FF, Prof. Dr. Ab. Fatah Ab. Rahman. Pasukan HMR yang dipecahkan kepada tiga pasukan bergerak secara berasingan ke rumah-rumah pesakit yang telah dikenal pasti oleh pihak Jawatankuasa Kampung di sekitar Kota Putera. Melalui lawatan ini, pesakit dan penjaga diberi penerangan mengenai kaedah penggunaan dan penyimpanan ubat-ubatan dengan betul. Sebanyak 15 buah rumah berjaya dilawati oleh tiga pasukan HMR yang berakhir pada jam 1.00 tengah hari.

Program yang berlangsung selama setengah hari ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Penganjuran program ini merupakan pemangkin kepada FF untuk mendekatkan diri dengan komuniti melalui aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.



Bukti Impak keatas Pembelajaran Pelajar

Program Khidmat Masyarakat "Home Medication Review" FF 2018

JABATAN/ORGANISASI YANG TERLIBAT	KUMPULAN SASARAN	PETUGAS
- Klinik Kesihatan Kg. Raja - Klinik Kesihatan Padang Luas - Klinik Kesihatan Jabi - Farmasi Ibn Sina Besut - Farmasi Pharmaco Plus - Farmasi Ammar Medicare - MKPP Kg. Raja Utara - MPKK Kg. Raja Selatan - MPKK Kg. Raja Terbak	15 orang pesakit sekitar Kota Putera, Besut - Kampung Raja Utara - Kampung Raja Selatan - Kampung Raja Terbak	3 pasukan HMR - Ahli Farmasi KKM - Ahli Farmasi Komuniti - Pensyarah FF - Staf pentadbiran FF

Program Khidmat Masyarakat 'Home Medication Review' 2019 (Siri 2)

JABATAN/ORGANISASI YANG TERLIBAT	KUMPULAN SASARAN	PETUGAS
- Hospital Besut, - Klinik Kesihatan Jabi - Klinik Kesihatan Jerteh - Klinik Kesihatan Padang Luas - Klinik Kesihatan Kampung Raja - Klinik Kesihatan Seri Medang - Farmasi Ibnu Sina - Farmasi Pharmacoplus - Farmasi Ammar Medicare - MPKK - Tembila - Pekan Sari - Baru Batu Tumboh - Sri Nangka - Kubang Ikan - Gong Bayor	30 orang pesakit sekitar Dun Kota Putera - Kampung Tembila - Kampung Pekan Sari - Kampung Baru Batu Tumbuh - Kampung Sri Nangka - Kampung Kubang Ikan - Kampung Gong Bayor	16 petugas - Ahli Farmasi KKM - Ahli Farmasi Komuniti - Pensyarah FF - Staf pentadbiran FF

Bukti Impak keatas Pembelajaran Pelajar



Bukti Impak keatas Pembelajaran Pelajar

Program Khidmat Masyarakat: Home Medication Review 2022 (Siri 4)

JABATAN/ORGANISASI YANG TERLIBAT	KUMPULAN SASARAN	PETUGAS
- Hospital Besut - Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Besut - MPKK - Batu Tumbuh - Gong Kepas Dalam - Gelam Mas - Paya Rawa - Keluang - Padang Cili - RAKR Pengkalan Nyireh - RAKR Pengkalan Nyireh 2 - Kg Raja Selatan - Amir Hulu - Gong Jelutong - Kubang Ikan - Gong Bayor	27 orang penduduk warga emas sekitar Dun Kota Putera - Batu Tumbuh - Gong Kepas Dalam - Gelam Mas - Paya Rawa - Keluang - Padang Cili - RAKR Pengkalan Nyireh - RAKR Pengkalan Nyireh 2 - Kg Raja Selatan - Amir Hulu - Gong Jelutong - Kubang Ikan - Gong Bayor	10 orang pegawai farmasi hospital dan PKD 4 orang pegawai farmasi komuniti 10 orang ahli MPKK - pensyarah FF - pelajar tahun 4 FF

Program Khidmat Masyarakat

HOME MEDICATION REVIEW 2022 (SIRI 4)

KHAMIS, 1 DISEMBER 2022

8.30 PAGI- 1.30 PETANG

DUN KOTA PUTERA, BESUT, TERENGGANU

ANJURAN FAKULTI FARMASI DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Logos: UNISZA, MuRA, GreenMetric, and other accreditation logos.

Bukti Impak keatas Pembelajaran Pelajar



Anugerah & Pengiktirafan

Bab 7



Anugerah & Pengiktirafan



Lampiran



Lampiran

https://drive.google.com/file/d/1Ocg2iMFKIVZMm17LGoNfi4nZlzpup7MU/view?usp=drive_link


(Keputusan Akhir)

https://docs.google.com/document/d/1Ota3cBISmriLGdf4zolwEILzmXJR06Kn/edit?usp=drive_link

(Markah Keseluruhan)

[https://docs.google.com/spreadsheets/d/1NF0c5D6Rmb-](https://docs.google.com/spreadsheets/d/1NF0c5D6Rmb-Dd3hVg7XSVhP7nMAhY2mv/edit?usp=drive_link)

[Dd3hVg7XSVhP7nMAhY2mv/edit?usp=drive_link](https://docs.google.com/spreadsheets/d/1NF0c5D6Rmb-Dd3hVg7XSVhP7nMAhY2mv/edit?usp=drive_link) (Final CQI)



Portfolio ini boleh diakses secara atas talian di

<https://drive.google.com/drive/folders/1vdWHAIWW07IWeCAi6MZAUT5tWmzdi2YP?usp=sharing>

Bahan-bahan pengajaran yang lebih menyeluruh, termasuk video dan bahan atas talian terkini boleh diakses melalui laman sesawang ini